



Your Bank of Choice

KEMPEN TULUS IKHLAS 2024 TERMA DAN SYARAT

Kempen Tulus Ikhlas 2024 merupakan kempen istimewa dari Bank Rakyat bersempena dengan sambutan Ramadan dan Syawal 2024 .

Dengan menyertai kempen ini, peserta hendaklah membaca dan memahami sepenuhnya semua Terma dan Syarat di sini dan bersetuju untuk terikat dan menerima Terma dan Syarat yang terkandung di sini.

A. Syarat-syarat Kelayakan dan Mekanisme Kempen

1. Kempen berkonsepkan langgan dan menang ini terbuka kepada semua pelanggan baharu dan sedia ada Bank Rakyat (Peserta):
 - Semua individu berumur 18 tahun dan ke atas yang berwarganegara Malaysia termasuk Penduduk Tetap (PR)
 - Perseorangan, dan individu bersama, termasuk pemegang akaun utama
 - Warga kerja Bank Rakyat kecuali warga kerja di dalam jabatan yang terlibat dalam Jawatankuasa Pemilihan Pemenang
2. Pelanggan yang mempunyai sebarang tunggakan, kemungkiran atau tindakan guaman terhadap mana-mana kemudahan atau pembiayaan sedia ada dengan Bank Rakyat semasa tempoh kempen adalah TIDAK layak untuk menyertai kempen ini
3. Peserta perlu membuka, melanggan, menggunakan atau membuat deposit tambahan pada salah satu produk Bank Rakyat dan produk Takaful yang telah diluluskan dan dibuat pengeluaran dalam tempoh kempen dan memenuhi syarat seperti berikut:



Your Bank of Choice

- **Pembiayaan**

Produk terlibat	Mekanisme
Pembiayaan Peribadi-i	<ul style="list-style-type: none">• Membuat permohonan pembiayaan dengan nilai minimum RM30,000.00• Permohonan hendaklah diluluskan serta membuat pengeluaran (disbursement) semasa tempoh tempoh tempoh berlangsung• Melanggan bersama mana-mana produk Takaful yang ditawarkan oleh Bank bersama pembiayaan yang diambil.
Pembiayaan Perumahan-i	<ul style="list-style-type: none">• Membuat permohonan pembiayaan dengan nilai minimum RM300,000.00• Permohonan hendaklah diluluskan serta membuat pengeluaran (disbursement) semasa tempoh tempoh tempoh berlangsung• Melanggan bersama mana-mana produk Takaful yang ditawarkan oleh Bank bersama pembiayaan yang diambil.
Pembiayaan Kenderaan-i	<ul style="list-style-type: none">• Membuat permohonan pembiayaan (tanpa nilai minimum)• Permohonan hendaklah diluluskan serta membuat pengeluaran (disbursement) semasa tempoh tempoh tempoh berlangsung• Melanggan bersama mana-mana produk Takaful yang ditawarkan oleh Bank bersama pembiayaan yang diambil.
Pembiayaan Pajak Gadai-i	<ul style="list-style-type: none">• Membuat permohonan pembiayaan dengan nilai minimum RM500.00.• Permohonan hendaklah diluluskan serta membuat pengeluaran (disbursement) semasa tempoh tempoh tempoh berlangsung• Melanggan bersama mana-mana produk Takaful yang ditawarkan oleh Bank bersama pembiayaan yang diambil.

- **Kad Kredit-i**

Produk Terlibat	Mekanisme
Kad Kredit-i	<ul style="list-style-type: none"> • Melanggan produk Takaful Motor, Tripcare 360, Buddy PA dan melaksanakan pembayaran menggunakan Kad Kredit-i atau Kad Debit-i Bank Rakyat sama ada pelanggan kad baharu atau sedia ada.

- **Akaun Simpanan-i/Semasa-i**

Produk Terlibat	Mekanisme
Akaun Simpanan-i/Semasa-i (Tawarruq) *Tidak termasuk Akaun Simpanan-i Nuri	<ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan baki minimum purata bulanan sebanyak RM1,000 sepanjang tempoh kempen untuk mendapatkan penyertaan bagi akaun sedia ada. • Mengekalkan baki minimum purata bulanan sebanyak RM1,000 dari tarikh pembukaan akaun (selewat-lewatnya pada 30 April 2024) sehingga tempoh kempen tamat bagi akaun baharu

4. Setiap peserta akan diberikan satu entri bagi setiap produk dipohon (seperti di atas) yang memenuhi minimum kriteria yang ditetapkan.
5. Penyertaan kempen ini adalah tertakluk pada kelulusan Bank Rakyat sepenuhnya dan juga terma dan syarat yang terkandung di sini.
6. Bank Rakyat boleh meluluskan atau menolak sebarang penyertaan kempen ini.



Your Bank of Choice

B .Tempoh Kempen

1. Tempoh kempen bermula dari **12 Mac** sehingga **31 Mei 2024**.
2. Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tarikh dan tempoh untuk Kempen sekiranya perlu.

C. Hadiah

1. Hadiah kempen adalah seperti berikut:

Hadiah	Jumlah Pemenang	Tempat
Proton X90	1	Pertama
Proton X70	1	Kedua
Proton X50	1	Ketiga
Motosikal Modenas	5	Keempat - Kelapan
Baucar Jakel bernilai RM500	30	Sagu hati
Kad Touch n' Go bernilai RM200	30	
Kad Petrol RM200	30	
Baucar barangan Mydin bernilai RM200	30	
	128	

2. Setiap pemenang hanya layak untuk menerima satu (1) hadiah sahaja bagi kempen produk ini.
3. Hadiah akan didaftarkan atas nama pemenang yang layak sahaja dan tidak boleh dipindahkan kepada pihak ketiga. Agen atau wakil tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan hadiah bagi pihak pemenang.



Your Bank of Choice

4. Bank Rakyat boleh menggantikan hadiah sedia ada dengan hadiah lain yang setimpal (sekiranya perlu) dengan memaparkan notis di laman sesawang Bank Rakyat.
5. Tuntutan hadiah hanya boleh dilakukan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh makluman diterima daripada Bank Rakyat di mana-mana cawangan Bank Rakyat atau lain-lain kaedah yang ditentukan oleh Bank Rakyat.
6. Selepas tamat tempoh (6) bulan dari tarikh makluman diterima daripada Bank Rakyat, tuntutan hadiah adalah terbatal serta-merta dan secara automatik gugur kelayakan untuk tuntutan hadiah.

D. Pemilihan Pemenang

1. Jawatankuasa penentuan pemenang adalah ditetapkan oleh Bank Rakyat untuk kempen ini.
2. Undian akan dijalankan secara pilihan rawak dengan menggunakan sistem undian berkomputer selepas tamat tempoh kempen.
3. Pemilihan pemenang akan dibuat oleh Bank Rakyat. Semua keputusan pemenang adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat, bantahan dan rayuan tidak akan dilayan.
4. Pengumuman pemenang akan dilaksanakan melalui mana-mana platform yang berikut, berdasarkan kesesuaian yang ditetapkan oleh pihak Bank Rakyat:
 - Khidmat Pesanan Ringkas (SMS)
 - Pusat Panggilan tele-Rakyat
 - Laman web rasmi Bank Rakyat
 - Laman media sosial rasmi Bank Rakyat
 - E-mel



Your Bank of Choice

5. Pemenang yang gagal dihubungi atau gagal membalas panggilan daripada Bank Rakyat akan digantikan dengan senarai pemenang simpanan yang layak dan disahkan.

E. Lain-Lain

1. Dengan menyertai kempen ini, peserta/pelanggan bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat, yang boleh dirujuk di laman sesawang Bank Rakyat.
2. Bank Rakyat mempunyai hak eksklusif untuk mencetak atau menyiarkan nama dan gambar pemenang untuk tujuan promosi kempen dalam laman media sosial Bank Rakyat, laman sesawang korporat Bank Rakyat, atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
3. Dengan menyertai kempen ini, peserta/pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank, anak-anak syarikat, sekutu, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama peserta/pelanggan dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, kempen, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media sekarang atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.
4. Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat mempunyai hak dan budi bicara untuk meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman sesawang Bank Rakyat atau sebarang medium komunikasi yang bersesuaian dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan berkuat kuasa selepas notis dikeluarkan. Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan, pemotongan atau penambahan tersebut.



Your Bank of Choice

5. Bank Rakyat berhak untuk menolak dan / atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
6. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, kerosakan pada borang penyertaan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau medium komunikasi yang bersesuaian.
7. PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PELANGGAN/PEMOHON ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARI KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN ANDA DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PELANGGAN/PEMOHON TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.



Your Bank of Choice

8. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
9. Dengan menyertai kempen ini, peserta/pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menepati terma dan syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh pihak Bank Rakyat yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
10. Terma dan Syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1300 80 5454; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari laman sesawang Bank Rakyat.